

# PBB: Malaysia sentuh isu susun semula Majlis Keselamatan

UM 20 SEP 2003

PUTRAJAYA 19 Sept. — Malaysia akan menyentuh isu penyusunan semula Majlis Keselamatan bagi memastikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) lebih telus dan demokratik dalam memelihara keamanan sejagat.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, perkara berkenaan akan terkandung dalam kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan menghadiri Perhimpunan Agung PBB di New York minggu depan.

“Malaysia tetap akan menyentuh

isu ini walaupun ia dianggap sebagai isu-isu keselamatan yang layak dibincangkan oleh ahli Majlis Keselamatan sahaja,” katanya kepada pemberita di Wisma Putra di sini, hari ini.

Syed Hamid ditemui selepas majlis penyerahan sumbangan Tabung kemanusiaan Pembelaan Rakyat Iraq Kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

Mengulas mengenai penyusunan semula PBB yang dicadangkan oleh banyak pihak, Syed Hamid berkata, cadangan tersebut masih bergantung

ng kepada kuasa veto anggota Majlis Keselamatan yang dianggotai oleh kuasa-kuasa besar yang mempunyai kepentingan.

“Kuasa veto seharusnya dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab bagi tujuan meredakan konflik dan bukannya melakukan penindasan seperti yang berlaku di bumi Palestin dan Iraq,” jelasnya.

Oleh itu, apa yang penting ialah perubahan di dalam keanggotaan dan kuasa Majlis Keselamatan untuk memastikan pelaksanaan kuasa yang seimbang di dalam PBB.